


TARIKH	24 / 06 / 2014	SEKSYEN	LUAR NEGARA
MUKA SURAT	22	RUANGAN	

## Ramadhan : Arab Saudi lulus rancangan kecemasan



KERAJAAN Arab Saudi meluluskan rancangan untuk menangani situasi kecemasan di Mekah dan Madinah sepanjang bulan Ramadhan ini. - AGENSI

JEDDAH 23 Jun - Menteri Dalam Negeri, Putera Mohammed bin Naif meluluskan rancangan untuk menangani situasi kecemasan di Mekah dan Madinah sepanjang bulan Ramadhan ini.

Menurut laman web *arabnews.com*, Ketua Pengarah Pertahanan Awam, Suleiman bin Abdullah Al-Amro berkata, semua urusan dan persediaan itu dibuat bagi menghadapi sebarang situasi kecemasan semasa bulan Ramadhan nanti.

Rancangan itu akan mengambil kira masa dan kedudukan geografi ketika bilangan jemaah umrah bertambah di kedua-dua bandar itu, terutamanya dalam tempoh 10 hari terakhir bulan Ramadhan.

Suleiman turut memuji sokongan yang diberikan oleh Gabenor Mekah dan Gabenor Madinah, Putera Mishal bin Abdullah dan Putera Faisal bin Salman dalam pelaksanaan rancangan itu.

Beliau berkata, jumlah anggota keselamatan di kedua-dua bandar itu bergantung kepada jangkaan peningkatan jemaah umrah pada tahun ini, sambil menambah kata,

pasukan polis akan memberi sokongan dengan menyediakan kenderaan canggih dan peralatan lain.

Satu kempen kesedaran akan dilancarkan bagi menyampaikan pesanan-pesanan tentang keselamatan awam melalui pesanan khidmat ringkas (SMS), televisyen dan papan-papan tanda.

Kementerian Kesihatan telah meningkatkan aktiviti kesedaran awam dalam kalangan penduduk Arab Saudi yang mahu menunaikan ibadat umrah dan haji selari dengan komitmen bagi memastikan kesejahteraan jemaah.

Semalam, Kementerian Kesihatan mengulangi jaminan akan meneruskan langkah-langkah pencegahan dan prosedur sebagai sebahagian program kesedaran kesihatan.

Pusat kawalan Kementerian Kesihatan menjelaskan bahawa semua jemaah umrah dan haji perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan dan keperluan kesihatan bagi menghadkan penyebaran virus sindrom pernafasan korona Asia Barat (MERS-CoV).